

## **SENARAI SEMAKAN**

**PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA  
DI BAWAH SEK. 204 B KANUN TANAH NEGARA  
TANAH PEGANGAN MELAYU / BUKAN MELAYU**

1. **Borang (12D)** - 6 salinan

  - Borang Permohonan hendaklah ditandatangani oleh pemilik tanah, Pemegang Surat Kuasa Wakil (P.A) atau Syarikat (Common Seal)
  - Surat Kuasa Wakil (P.A) didaftarkan oleh Mahkamah Tinggi dan Pejabat Pendaftaran Hakmilik sekiranya permohonan dibuat oleh wakil pemilik tanah

2. **Surat memohon / tidak memohon lanjut tempoh pajakan**

3. **Sijil Carian Rasmi (asal)**

4. **Surat persetujuan bertulis daripada pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas tanah samada Pemegang Gadaian, Caveat atau tuntutan faedah di bawah mana – mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran (asal)**

5. **Salinan hakmilik**

6. **Salinan resit cukai tanah tahun semasa**

7. **Surat kuasa wakil (power of attorney) (jika berkaitan)  
(salinan yang diperakui sah)**

8. **Memorandum and Article of Association berserta Borang 49  
dan 24 dan carian SSM – sekiranya permohonan dibuat oleh syarikat**

9. **Jadual 3 Enakmen Rizab Melayu  
(Sekiranya Tanah Rizab Melayu bagi pemaju bukan Melayu)**

10. **Borang Tanah yang telah disahkan oleh pegawai petempatan (asal)**

11. **Laporan Cadangan Pemajuan (Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Cadangan Pemajuan Yang Disediakan Oleh JPBD) dan CD**

12. i) **Pelan Tataatur yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang - 12 Keping  
dan surat ulasan Majlis Daerah Kuala Langat**   
ii) **Pra – hitungan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang - 12 Keping  
dan surat ulasan Majlis Daerah Kuala Langat**

13. Surat ulasan LPHS bagi penyediaan Rumah Selangorku (sekiranya berkaitan)
14. Bayaran permohonan mengikut Kaedah – Kaedah Tanah Selangor
- |   |   |           |                          |
|---|---|-----------|--------------------------|
| i) Tidak melebihi 1 hektar                                  | - | RM 50.00  | <input type="checkbox"/> |
| ii) Melebihi 1 hektar tapi tidak<br>Melebihi 10 hektar      | - | RM 100.00 | <input type="checkbox"/> |
| iii) Melebihi 10 hektar                                     | - | RM 100.00 | <input type="checkbox"/> |
| (i) Untuk 10 hektar pertama                                 | - | RM 100.00 | <input type="checkbox"/> |
| (ii) Untuk tambahan 1 hektar<br>Atau sebahagian daripadanya | - | RM 10.00  | <input type="checkbox"/> |
15. Nombor talifon / nombor talifon bimbit / fax / e-mail

Disemak oleh

Nama

Jawatan

Tarikh

\* Catitan:

- i) SILA SUSUN DOKUMEN MENGIKUT TURUTAN SEPERTI DI DALAM SENARAI SEMAK.
- ii) SEKIRANYA PERMOHONAN BUKAN RIZAB MELAYU, PEMOHON DIKEHENDAKI  
MENYEDIAKAN SATU (1) SET SALINAN DOKUMEN SEPERTI DI ATAS KECUALI PELAN UNTUK  
DIKEMUKAKAN KE PTGS.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT L.G,G,I,3,4  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40576 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 2658  
Tuition Bebas Tel : 1-800-88-2624  
URL : <https://ptg.selangor.gov.my>  
E-mail : [ptgs@selangor.gov.my](mailto:ptgs@selangor.gov.my)



#KitaSelangor

Ruj. Kami: Bil.(1)dlm.PTGS/BPH/SEL/10/31/99 Jld.36  
Tarikh : 25 Jun 2024

### Seperti Senarai Edaran

Tuan/Puan,

### SOP PENDAFTARAN ENDOSAN NOTA DAN PENGELUARAN HAKMILIK URUSAN SERAHBALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH (SEKSYEN 204D) BAGI FAIL SEBELUM e-TANAH DAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM e-TANAH SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, bermula pada 1 Julai 2024, Pentadbiran Tanah Selangor akan menguatkuasakan sepenuhnya Seksyen 204GA, Kanun Tanah Negara (Pindaan 2016) [Akta 1516] bagi urusan permohonan serahbalik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 204D. Oleh yang demikian, setiap permohonan hendaklah mengikut dan mematuhi sepenuhnya kehendak pindaan kepada subseksyen 204GA(2) KTN melalui Akta A1516 seperti berikut:

(2) Di mana Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permohonan tersebut di bawah subseksyen 204E(3), penerimaan kelulusan tersebut oleh tuanpunya di bawah subseksyen 204E(4) hendaklah juga termasuk persetujuan oleh pemegang gadaian untuk melepaskan gadaian dan bagi suatu gadaian yang baharu disempurnakan dan dikemukakan berkaitan dengan hakmilik-hakmilik yang akan dikeluarkan ketika pemberimilikan semula.

3. Sehubungan itu, perkara-perkara berikut hendaklah dilaksanakan bagi urusan serahbalik dan pemberimilikan semula tanah (Seksyen 204D) seperti berikut:

- (i) Bagi hakmilik yang mempunyai gadaian, pemohon perlu mendapatkan surat kebenaran daripada pemegang gadaian yang memberi persetujuan melepaskan gadaian. Syarat untuk melepaskan gadaian juga hendaklah dimasukkan ke dalam syarat-syarat kelulusan permohonan. Contoh surat kebenaran adalah seperti di Lampiran A. Surat kebenaran ini hendaklah dimasukkan ke dalam portal PDT masing-masing sebagai syarat bagi mengemukakan permohonan 204D;

**SOP PENDAFTARAN ENDOSAN NOTA DAN PENGETAHUAN HAKMILIK  
URUSAN SERAHBALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH (SEKSYEN  
204D) BAGI FAIL SEBELUM e-TANAH DAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM  
e-TANAH SELANGOR**

Ruj. kami: Bil.(9)dim.PTGS/BPH/SEL/10/31/99 Jld.36

Tarikh: 25 Jun 2024


Sekian.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH)**  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

s.k:

Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran)

KPP (Pendaftaran Hakmilik)

KPP (Pembangunan dan Kemajuan Tanah)

KPP (BTM)

**LAMPIRAN A**

**SURAT KEBENARAN DAN PERSETUJUAN MELEPASKAN GADAIAN BAGI  
URUSAN SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA**

Ruj. Kami :  
Tarikh :

**SULIT DAN PERSENDIRIAN**

Kepada : .....

Pentadbir Tanah  
.....  
.....

Tuan,

**SURAT KEBENARAN DARIPADA PEMEGANG GADAIAN DAN PERSETUJUAN  
MELEPASKAN GADAIAN BAGI PERMOHONAN URUSAN PERMOHONAN  
MENYERAHBALIK DAN BERIMILIK SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204D KANUN  
TANAH NEGARA**

- Peminjam : (Nama Peminjam)
- Hakmilik : (No. Hakmilik)
- No. Perserahan : (No. Perserahan)

Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa, kami (Nama Bank), sebagai pemegang gadaian melalui (No. Perserahan) di dalam Hakmilik (No. Hakmilik) bersetuju bahawa :

- i. **tiada halangan** kepada pemilik tanah untuk mengemukakan permohonan di atas.
- ii. akan **melepaskan gadaian** (No. Perserahan) ke atas (No. Hakmilik) selaras dengan kehendak Seksyen 204 Kanun Tanah Negara setelah permohonan ini diluluskan kelak bagi membenarkan hakmilik baru ini didaftarkan.
- iii. akan **memasukkan kembali** gadaian tersebut ke atas hakmilik yang terkini.

Sekian, terima kasih.

*Kanun Tanah Negara*

BORANG 12D  
(Seksyen 204A)

**PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN  
PEMBERIMILIKAN SEMULA.**

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah .....

\*Saya/Kami.....

yang beralamat di .....

tuanpunya tanah yang dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon kelulusan untuk penyerahan balik tanah-tanah \*saya/kami dengan syarat-syarat bahawa tanah yang terkandung dalamnya serta-merta diberi milik semula kepada \*Saya/Kami dalam unit-unit yang berlainan seperti yang ditunjukan dalam pelan yang dikepulkan.

Dalam pelan tersebut sempadan-sempadan yang sedia ada, seperti yang dijadualkan, adalah ditunjukan dengan warna hitam dan sempadan –sempadan unit-unit baru yang dicadangkan, kiranya berlainan dari yang lama, adalah ditunjukan dengan warna merah.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 204D, \* saya /Kami kini mengemukakan –

(a) fee yang ditetapkan sebanyak RM .....;  
(b) surat memberi persetujuan daripada orang berikut –

(1).....  
(2).....  
(3).....

(c) \*dokumen/dokumen-dokumen hakmilik keluaran bagi tanah tanah/tanah yang berikut –

.....  
.....  
.....

(d) \*kenyataan bersumpah di bawah Seksyen 204D(2).

Bertarikh pada ..... haribulan ..... ,20.....

.....

*Tandatangan Tuanpunya*

**JADUAL**

Dearah	*Bandar/Pekan/ Mukim	Perihal Dan No. Hakmilik	NO. lot/ P.t.	Luas

\*Potong sebagaimana yang sesuai

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

(A) (1) Sewa bagi tahun ini telah dibayar.

Pentadbir Tanah .....

Daerah .....

(B) Penyerahan balik diluluskan.

Bertarikh pada ..... haribulan ..... ,20.....

.....  
*Pengarah/Pentadbir Tanah*

\*Potong sebagaimana yang sesuai

NOTA PENJELASAN - Persetujuan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang –

(i) yang berhak mendapat faedah daripada suatu lien atas nama-nama tanah atau bahagianya;

(ii) yang ada tuntutan yang dilindungi oleh kaveat yang menyentuh mana-mana tanah atau bahagianya